



KENYATAAN AKHBAR
TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (KESIHATAN AWAM)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
Bagi Minggu 44/2013 (27 Oktober hingga 2 November 2013)

Pada minggu ke 44 tahun 2013 (27 Oktober hingga 2 November), sejumlah 1,547 kes denggi telah dilaporkan dan ini menjadikan jumlah kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan di seluruh negara iaitu dari Januari hingga 3 November adalah sebanyak 29,754 kes, berbanding hanya 18,268 kes denggi dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2012, berlaku peningkatan sebanyak 11,486 kes yang dilaporkan atau 63%.

Dalam tempoh yang sama terdapat satu (1) kes kematian yang dilaporkan di WP Kuala Lumpur. Kumulatif kematian kes denggi sehingga kini adalah sebanyak 61 kematian, berbanding hanya 32 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2012 iaitu meningkat sebanyak 29 kematian (91%). Kes kematian melibatkan seorang lelaki berusia 22 tahun yang mengalami demam, sakit perut dan sakit kepala, telah meninggal dunia dengan sebab kematian *Dengue Shock Syndrome*. Beliau sebelum itu telah mendapatkan rawatan dan dimasukkan ke wad pada hari yang sama. Setelah dua (2) hari dirawat di wad pesakit kemudiannya dipindahkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) setelah keadaan pesakit bertambah serius. Kawasan kediaman pesakit merupakan kawasan wabak dan hasil pemeriksaan pembiakan Aedes yang dijalankan di sekitar kediaman pesakit menemui pembiakan iaitu di dalam akuarium,

bekas polistrene, botol, tayar dan tong. Hasil kerjasama antara penduduk dan agensi berkaitan telah berjaya melaksanakan dua aktiviti gotong-royong bagi memusnahkan tempat-tempat pembiakan Aedes yang wujud di sekitar kawasan ini. Usaha-usaha sebegini perlu diteruskan oleh semua pihak terutamanya di lokaliti bermasalah denggi bagi menghapuskan punca pembiakan Aedes yang menjadi penyumbang kepada peningkatan kes demam denggi di Malaysia.

Sejumlah 409 lokaliti aktif wabak denggi dipantau di seluruh negara di mana ia merupakan jumlah yang tertinggi pernah dilaporkan setakat ini. Wabak dilaporkan berlaku di 11 negeri di seluruh negara iaitu 327 lokaliti di Selangor, 36 lokaliti di Johor, 15 lokaliti di WP Kuala Lumpur & Putrajaya, 10 lokaliti di Perak, enam (6) di Pulau Pinang, lima (5) di Negeri Sembilan, empat (4) di Melaka, tiga (3) di Pahang (3) serta masing-masing satu (1) lokaliti di Kedah, Terengganu dan Sarawak. Daripada jumlah ini sejumlah **72 lokaliti hotspot** dilaporkan berlaku di negeri Selangor & Pulau Pinang. Penduduk di kawasan ini diminta agar mempertingkatkan tahap kebersihan di mana takungan air dan tempat-tempat yang berpotensi untuk pembiakan Aedes perlu dihapuskan atau dimasukkan ubat pembunuh jentik-jentik supaya tiada lagi berlaku jangkitan kes denggi. Cuaca yang tidak menentu pada masa sekarang iaitu seringkali hujan boleh meningkatkan lagi kadar jangkitan denggi jika takungan-takungan air ini dibiarkan tanpa diperiksa dan menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes.

Masyarakat perlu diingatkan bahawa usaha utama di dalam pencegahan dan pengawalan penularan demam denggi adalah dengan memusnahkan tempat-tempat berpotensi menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes terutamanya di kawasan sekitar kediaman, premis-premis

persendirian dan juga tempat kerja masing-masing. Oleh itu, masyarakat setempat disaran supaya bekerjasama di dalam memastikan persekitaran kita bebas dari punca pembiakan nyamuk Aedes. Sikap tanggungjawab di kalangan masyarakat dalam memastikan persekitaran mereka sentiasa bersih akan menghindarkan mereka dari dijangkiti demam denggi. Perlu ditegaskan, semburan racun serangga (fogging) tidak berkesan mengurangkan denggi jika tidak diikuti oleh pemusnahan tempat pembiakan kerana nyamuk baru akan muncul semula setiap hari dari tempat pembiakan tersebut. **“Tiada Aedes, Tiada Denggi”**.

DATUK DR LOKMAN HAKIM BIN SULAIMAN

TimbalanKetuaPengarahKesihatan (KesihatanAwam)

KementerianKesihatan Malaysia

4 November2013

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 44/2013
(27 Oktober hingga 2 November 2013)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah kes Denggi dari Januari sehingga 2 Nov 2013	Jumlah kes Denggi dari Januari sehingga 2 Nov 2012
		Minggu 44 (27 Okt – 2 Nov 2013)	Minggu 43 (20 – 26 Okt 2013)		
1	Perlis	1	5	193 (1)	148
2	Kedah	16	14	681 (1)	694 (4)
3	P. Pinang	45	26 (1)	755 (5)	666 (1)
4	Perak	81	64	1,690 (2)	1,466 (5)
5	Selangor	991	1,142	15,290 (16)	7,655 (12)
6	WPKL & Putrajaya	63 (1)	60	1,926 (8)	1,546 (3)
7	N. Sembilan	32	28	658	453 (2)
8	Melaka	65	71	1,015 (7)	396
9	Johor	152	167	3,639 (13)	1,378 (1)
10	Pahang	24	21	551 (2)	549 (1)
11	Terengganu	15	12	430	664
12	Kelantan	29	33	1,226 (2)	1,034
13	Sarawak	18	18	1,100 (3)	1,115 (1)
14	Sabah	15	18	590 (1)	494 (2)
15	WP Labuan	0	1	10	10
	Malaysia	1,547 (1)	1,680 (1)	29,754 (61)	18,268 (32)

Nota: () Kematian

* Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

Lampiran B

**SENARAI LOKALITI "HOT SPOT"
SEHINGGA MINGGU 44 (2 NOVEMBER 2013)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	TempohWa bakBerlaku (Hari)
1	SELANGOR	Petaling	PJS 8 Mentari Court 1 (Blok A, B, C,D)	101	139
2	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Flat A (Blok 1-Blok 12 & Blok 38 - Blok 43)	121	118
3	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Flat C (Blok 44 - Blok 51)	57	111
4	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Flat B (Blok 13 - Blok 37)	69	97
5	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Teres B Zon A (Jln 7/29-7/30, Unisel & Jln A7/A-F7/F)	37	91
6	SELANGOR	Gombak	Tmn Desa Jaya Zon 6	27	76
7	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Teres B zon B (Jln 7/24-7/27)	34	75
8	SELANGOR	Petaling	UPM Serdang Kolej 17	34	75
9	SELANGOR	Petaling	SS 2 (Timur)	20	71
10	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 2 Taman Impian Putra	78	69
11	SELANGOR	Petaling	SS 2 (Selatan)	25	67
12	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Teres A zon A (Jln 7/11-7/22)	19	65
13	SELANGOR	Hulu Langat	Jln 3/13A-C Seksyen 3 Taman Kajang Utama	18	64
14	SELANGOR	Hulu Langat	Apartment Seksyen 1 Bandar Teknologi	27	61
15	SELANGOR	Petaling	SS 22	11	59
16	SELANGOR	Petaling	PJU 8 Apartment Flora Damansara 2 (Blok C, D, E, F)	12	58
17	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 8/1-15 Seksyen 8 Bandar Baru Bangi	23	54

18	SELANGOR	Petaling	Seksyen 1 Petaling Jaya	26	54
19	SELANGOR	Petaling	PJU 10 Apartment Saujana 1 (Blok A,B,C,D,E,F,L,M)	13	54
20	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Sri Nilam Bandar Baru Ampang	25	53
21	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 5 Bandar Rinching	15	51
22	SELANGOR	Petaling	Taman Puchong Utama 2	16	50
23	SELANGOR	Hulu Langat	Apartment Taman Bukit Kenangan	9	49
24	SELANGOR	Hulu Langat	Apartment Seraya Taman Kajang Utama	15	48
25	SELANGOR	Petaling	PJU 3 Kondo Palm Spring 2 (Blok D, E,& F)	10	48
26	SELANGOR	Gombak	Taman Rasmi Jaya Zon 1	27	47
27	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 2 Bandar Rinching	17	46
28	SELANGOR	Gombak	Bandar Tasik Puteri Fasa 7 Zon 1	15	46
29	SELANGOR	Gombak	Taman Bukit Indah Fasa 1 Zon 1	10	46
30	SELANGOR	Hulu Langat	Apartment Persona Taman Kajang Utama	10	45
31	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Mewah Taman Sri Mewah	9	45
32	SELANGOR	Sepang	Taman Desa Sentosa	87	44
33	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 7/3 Seksyen 7 Bandar Baru Bangi	16	42
34	SELANGOR	Gombak	Taman Kelab Ukay	9	42
35	SELANGOR	Hulu Langat	City Garden Palm Villa Kondo Taman Cempaka	32	41
36	SELANGOR	Hulu Langat	Batu 12 1/2 Jalan Cheras - Kajang	10	41
37	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 3/5A-K Seksyen 3 Bandar Baru Bangi	13	41
38	SELANGOR	Petaling	PJU 5 Seksyen 5	10	41
39	SELANGOR	Gombak	Apatrment Laksaman	8	41

40	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 7 Bandar Sri Putra	7	41
41	SELANGOR	Gombak	Bandar Baru Selayang Fasa 1 (Zon 2)	13	40
42	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 8/16-23 Seksyen 8 Bandar Baru Bangi	14	39
43	SELANGOR	Petaling	Pusat Bandar Puchong 5 (Sri Jati)	7	39
44	SELANGOR	Petaling	PJS 9 Lagoon Perdana	11	39
45	SELANGOR	Gombak	Taman Rasmi Jaya Zon 2	14	38
46	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 6/9,6/10,6/11 & 6/14 Tasik Tambahan	13	38
47	SELANGOR	Hulu Langat	Apartment Taman Anggerik Villa	6	38
48	SELANGOR	Petaling	Seksyen 3 UITM Shah Alam Kolej Jati	8	38
49	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Mewah Taman Damai Mewah	9	38
50	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Nirwana 1-17 Taman Nirwana	15	37
51	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Teratai 2/7A-2/7N Taman Bukit Teratai	5	37
52	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7E B Pusat Komersial (Jalan AA7/AA & AC7/AC & JLN U7/U - Z7/Z)	13	37
53	SELANGOR	Petaling	SS 5A (2)	4	37
54	SELANGOR	Sepang	Taman Emas	37	37
55	SELANGOR	Gombak	BDR BARU Selayang FASA 1 (Zon 3)	7	36
56	SELANGOR	Petaling	Seksyen 2 Petaling Jaya	6	35
57	SELANGOR	Petaling	SS 19/1 Subang Jaya	13	35
58	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Delima Taman Pinggiran Delima	11	34
59	SELANGOR	Petaling	PJS 10 Kondo Ridzuan	9	34
60	SELANGOR	Petaling	PJU 9 SD 7	13	34

61	SELANGOR	Petaling	Batu 13 KG Sri Aman (Lorong Aman 1)	7	34
62	SELANGOR	Gombak	Taman Greenwood Zon 1	10	33
63	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Semenyeh Jaya	7	33
64	SELANGOR	Petaling	Seksyen 27 Apartment Ixora	19	33
65	SELANGOR	Petaling	PJS 2C Flat Taman Medan Cahaya	6	33
66	SELANGOR	Petaling	PJS 2C Taman Medan	9	33
67	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 4/9 Seksyen 4 Bandar Baru Bangi	6	32
68	SELANGOR	Petaling	Seksyen U4 Pangsapuri Damai	9	32
69	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 Pangsapuri Subang Suria	6	32
70	SELANGOR	Petaling	Bandar Bukit Puchong 1 (Flat Bandar Bukit Puchong)	7	32
71	SELANGOR	Petaling	Taman Puchong Prima 1	5	32
72	P. PINANG	Barat Daya	Lebuh Bukit Kecil	9	31